

18 FEB 1998

## KEGAWATAN EKONOMI MENCETUS PELBAGAI JENAYAH

Rencana Bernama

Oleh: ISABELLA HIEW

KUALA LUMPUR: Krisis ekonomi yang dialami negara mengakibatkan pelbagai kebimbangan yang tidak terperi, dan tidak kurang besarnya adalah terhadap meningkatnya perlakuan jenayah.

"Sejarah jelas memaparkan hubung-kait yang kuat antara peningkatan kadar jenayah sewaktu berlaku kegawatan ekonomi," kata Setiausaha Persatuan Psikiatri Malaysia, Dr Mahmud Mazlan.

Beliau menyebut Kemelesetan Besar 1930an di Amerika Syarikat, lepas perang Jerman dan Jepun serta krisis ekonomi di Mexico, sebagai contoh.

Perunding psikiatri, Datuk Seri Dr M. Mahadevan, pula berkata pengalaman silam beliau yang luas mengesahkan bahawa "peningkatan kadar jenayah ketika kemelesetan pasti berlaku."

Beliau berkata golongan berada atau "kaya baru" yang mengumpul kemewahan pada waktu senang dan mengamalkan gaya hidup mewah mendapati sukar untuk melalui cara hidup kini.

Sesetengah daripada mereka tidak lagi kaya disebabkan kejatuhan harga saham di bursa saham dan ramai terpaksa menjual harta dan kereta-kereta mewah untuk melangsaikan kerugian besar akibat pembelian saham.

"Malah mereka mungkin mencari jalan melakukan urusan perniagaan yang tidak beretika, mengeluarkan cek-cek palsu dan menggelapkan dan sebagainya," katanya.

Mahmud menjelaskan, lain-lain yang akan membabitkan diri dalam jenayah ketika krisis ekonomi adalah mereka yang mudah terdorong melakukan jenayah.

Sewaktu senang, mereka merasakan bahawa mereka serba cukup untuk hidup tetapi ketika dihimpit kesusahan, mereka menjerumuskan diri ke lembah jenayah untuk memulihkan kedudukan, jelas beliau.

"Mereka memiliki personaliti yang anti-sosial dan tidak mengendahkan apa yang masyarakat fikirkan mengenai mereka. Ini bukanlah satu penyakit jiwa disebabkan masalah personaliti," katanya.

"Sewaktu krisis ekonomi, insiden tunjuk perasaan dan rampasan barang-barang mungkin juga berlaku," kata Dr Mahadevan.

Tunjuk perasaan berlaku di Indonesia ekoran kenaikan harga makanan asasi yang disebabkan krisis ekonomi yang tenat melanda negara itu.

Baru-baru ini, sekumpulan perusuh seramai 1,000 orang -- menyemarak kemarahan mereka dan mengamuk di Ende, Flores, serta membakar stor-stor milik peniaga Cina dan memusnahkan kereta dan motorsikal.

Tetapi sebagaimana pemerhatian Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hujung minggu lalu, keadaan di Malaysia berbeza dan negara mempuyai bekalan mencukupi.

"Misalnya, jika berlaku kenaikan harga gula 100 peratus, belanja kita tetap sama jika kita menggunakan separuh dari jumlah gula yang biasa kita ambil.

Perdana Menteri yang menolak kemungkinan sebarang rusuhan makanan di negara ini berkata walaupun harga telah naik, ia adalah kecil dan bekalan mencukupi, "satu pencapaian yang mendapat pujian daripada pelawat asing dan diplomat,"

"Kemelesetan juga menyebabkan ramai pekerja terpaksa diberhentikan menyebabkan pengangguran manakala mereka yang terikat dengan saham atau harta benda mengalami kesusutan wang," kata Naib Presiden Persatuan Kesihatan Mental Malaysia, Dr Cheah Wing Yin.

"Orang sedemikian mungkin mencari jalan untuk mencuri, menyalahgunakan wang, melibatkan diri dalam urusan perniagaan yang tidak jujur dan menipu

secara terang-terangan," tambah beliau.

Beliau berkata terdapat "besar kemungkinan" dalam peningkatan kegiatan jenayah seperti penyeluk saku dan kes samun oleh penganggur.

Cheah menasihatkan orang ramai supaya lebih berhati-hati kerana golongan-golongan penipu kini semakin pintar memerangkap mangsanya.

"Kerajaan mesti menghantar pulang pendatang tanpa izin kerana mereka adalah pembawa gejala sosial dengan pembabitkan dalam jenayah," katanya.

Mahmud pula berkata faktor pendatang merupakan penyebab penting peningkatan kadar jenayah ketika krisis ekonomi. Malah, di Amerika Syarikat, jenayah terancang dilakukan oleh golongan pendatang, juga di waktu biasa.

Beliau mengingatkan perlunya menjangkakan kemunculan penjenayah yang sama dilakukan pendatang di Malaysia, lebih-lebih lagi ketika negara dilanda kemelesetan ekonomi.

Ini diburukkan lagi oleh para pekerja yang diberhentikan akibat kelembapan sektor pembinaan dan keengganan mereka bekerja di sektor perladangan memandangkan kawasan-kawasan itu adalah terpencil dan terasing, ditambah pula dengan gaji yang rendah.

Sementara itu, polis memperhebat langkah-langkah keselamatan di seluruh negara untuk membanteras peningkatan kadar jenayah.

Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Norian Mai, dipetik oleh akhbar sebagai berkata bahawa polis akan mengawasi kawasan-kawasan yang terdapat ramai pekerja asing.

Pendatang-pendatang asing itu, dijangka membabitkan diri dalam jenayah disebabkan ketiadaan kerja, katanya.

Dalam pada itu, para profesional dan ahli perniagaan yang sudah lali dengan gaya hidup senang mungkin mendapati sukar untuk menyesuaikan diri dengan gaya hidup sederhana, dan terpaksa melepaskan banyak kemewahan, jelas Mahadevan.

"Kumpulan ini mungkin akan melakukan jenayah kolar putih lebih canggih, katanya. -- Bernama

/rs